Keputusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung Kemudahan Beli Sekarang Bayar Kemudian (*Buy Now Pay Later, BNPL*)

Mesyuarat MPS Ke-220 bertarikh 24 Januari 2022, MPS Ke-228 bertarikh 28 Februari 2023 dan MPS Ke-231 bertarikh 26 Jun 2023

Bahagian I: Keputusan MPS, Tarikh Kuat Kuasa dan Pemakaian

Menurut seksyen 52 Akta Bank Negara Malaysia 2009, MPS pada mesyuarat ke-220 telah memutuskan bahawa kemudahan Beli Sekarang Bayar Kemudian (*Buy Now Pay Later, BNPL*) adalah dibenarkan, dengan syarat kemudahan tersebut distruktur menggunakan kontrak Syariah yang bersesuaian bagi memelihara hak dan kewajipan pihak-pihak yang berkontrak. Oleh itu, kelulusan secara bertulis daripada jawatankuasa Syariah bagi penyedia perkhidmatan kewangan Islam (*Islamic financial service provider*) adalah diperlukan dalam memastikan struktur kemudahan BNPL serta terma dan syarat kontrak mematuhi Syariah.

Seterusnya, MPS pada mesyuarat ke-228 dan ke-231 telah memutuskan bahawa kemudahan BNPL yang melibatkan transaksi pembelian emas dan perak (barangan *ribawi*) yang mempunyai *'illah* wang, mesti dilakukan secara lani. Walau bagaimanapun, tempoh penyelesaian sehingga T+2 adalah dibenarkan disebabkan oleh kekangan operasi dan amalan pasaran perniagaan (*'urf tijari).*

Selaras dengan *maqasid* Syariah, MPS menggalakkan penyedia perkhidmatan kewangan Islam untuk menerapkan amalan bertanggungjawab dalam menilai kemampuan pengguna dengan mengadakan proses penilaian kredit secara menyeluruh. Hal ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan kemudahan BNPL secara berhemah dan bertanggungjawab, serta memastikan kesejahteraan kewangan pengguna agar tidak terjejas.

1.1. Keputusan ini berkuat kuasa serta merta sejurus keputusan ini diterbitkan dalam laman sesawang Bank Negara Malaysia pada 24 Januari 2024 dan terpakai ke atas institusi kewangan berikut:

(a) bank-bank Islam berlesen menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) termasuk yang menjalankan perniagaan perbankan digital Islam;
(b) bank berlesen dan bank pelaburan berlesen yang diluluskan di bawah seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) untuk menjalankan perniagaan kewangan Islam; dan
(c) institusi ditetapkan yang diluluskan di bawah seksyen 33B(1) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP) untuk menjalankan perniagaan kewangan Islam.

Bagi maksud keputusan ini, mana-mana orang di atas hendaklah dirujuk sebagai "penyedia perkhidmatan kewangan Islam (PPK Islam)".

1.2. Selaras dengan seksyen 28(1) dan (2) APKI dan seksyen 33D(1) dan (2) AIKP, mengikut mana-mana yang berkenaan, PPK Islam dikehendaki mematuhi keputusan ini kerana pematuhan dengan apa-apa keputusan MPS berkenaan dengan sebarang matlamat tertentu dan pengendalian perniagaan, hal ehwal atau aktiviti PPK Islam tersebut adalah disifatkan sebagai pematuhan kepada Syariah.

Bahagian II: Latar Belakang

2.1. Secara umumnya, kemudahan BNPL membolehkan pengguna membeli barangan atau perkhidmatan daripada peniaga dengan pilihan untuk menangguhkan pembayaran dan/atau membahagikan harga belian kepada ansuran bulanan. Penyedia BNPL kebiasaannya membuat pendahuluan penyelesaian penuh atau separa kepada peniaga bagi pihak pengguna, dan seterusnya pengguna akan membuat pembayaran kepada penyedia BNPL berdasarkan terma dan syarat yang dipersetujui[1].


2.2. Dari sudut Syariah, kemudahan BNPL boleh dianggap sebagai lanjutan kontrak jualan tradisional[2] sedia ada yang dibenarkan dalam Islam, dengan syarat transaksi penjualan dijalankan selaras dengan prinsip Syariah.

2.3. Buat masa ini, kemudahan BNPL yang ditawarkan oleh penyedia bukan bank tidak termasuk dalam bidang kuasa pengawalseliaan Bank atau mana-mana badan kawal selia. Cadangan penggubalan Akta Kredit Pengguna (*Consumer Credit Act, CCA*) akan membentuk Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna (*Consumer Credit Oversight Board, CCOB*) sebagai pihak berkuasa kompeten dan bebas untuk mengawal selia, antara lain, BNPL Islamik.

2.4. Kemudahan BNPL membolehkan peniaga untuk mendapatkan penyelesaian (*settlement*) dengan lebih pantas, serta membolehkan pengguna menangguhkan pembayaran bagi pembelian barangan dan perkhidmatan tanpa tertakluk kepada kadar keuntungan, dengan syarat bayaran ansuran dilakukan tepat pada masanya. Terdapat peningkatan permintaan yang sederhana bagi kemudahan BNPL, dan disokong oleh peningkatan bilangan penyedia BNPL bukan bank yang memasuki ruang pasaran BNPL. Walaupun institusi kewangan berlesen masih belum menawarkan kemudahan BNPL pada masa ini, institusi kewangan berlesen boleh menawarkan kemudahan BNPL mereka secara mandiri atau melalui usaha sama dengan penyedia BNPL yang lain (sedia ada).

2.5. Secara ringkas, kemudahan BNPL (sedia ada) beroperasi mengikut struktur berikut:

Ilustrasi: Contoh Struktur Kemudahan BNPL



[1] Berdasarkan maklum balas yang diterima oleh Bank daripada industri.
[2] Rujukan dibuat kepada perenggan 4.1.

1. Pengguna membeli barang daripada peniaga menggunakan kemudahan BNPL.
2. Penyedia BNPL membuat penyelesaian penuh atau separa bagi pembelian antara pengguna dengan peniaga, tertakluk kepada pengaturan antara penyedia BNPL dan peniaga.
3. Penyedia BNPL mengenakan fi kepada peniaga berdasarkan kontrak perjanjian antara penyedia BNPL dengan peniaga.
4. Pengguna membayar kepada penyedia BNPL berdasarkan terma dan syarat kontrak yang dipersetujui, termasuk tempoh ansuran, serta struktur fi dan caj.

Isu syariah

2.6. Berdasarkan struktur di atas, MPS telah membincangkan aspek-aspek Syariah yang utama dalam penstrukturan kemudahan BNPL patuh Syariah bagi PPK Islam.

Bahagian III: Perbincangan Utama

Memastikan Pematuhan Syariah bagi kemudahan BNPL Islamik

3.1. MPS mengambil maklum bahawa terdapat pelbagai jenis model operasi yang diguna pakai oleh penyedia BNPL yang berbeza di pasaran global dan domestik. Di samping terus menyokong dan membuka ruang kepada inovasi, MPS menghendaki BNPL Islamik untuk mematuhi perkara berikut untuk memastikan struktur operasi dan model perniagaan kemudahan BNPL selaras dengan prinsip Syariah:

a. Penggunaan kontrak Syariah secara kolektif[3] sebagai struktur asas bagi kemudahan BNPL mesti mematuhi keperluan Syariah yang terpakai bagi setiap kontrak Syariah dan kontrak gabungan tersebut[4];
b. Penggunaan kontrak Syariah sedemikian dalam kemudahan BNPL mesti memelihara objektif kontrak *(muqtada 'aqad)* yang utama*;*
c. Kontrak Syariah yang digunakan dalam kemudahan BNPL mesti mempertimbangkan hak dan kewajipan pihak-pihak yang berkontrak dengan sewajarnya;
d. Penggunaan kontrak Syariah dalam penawaran ciri yang pelbagai dalam kemudahan BNPL tidak boleh distruktur dengan cara yang menimbulkan amalan *riba*; dan
e. Sekiranya caj pembayaran lewat dikenakan, ia mesti mencerminkan kos sebenar yang ditanggung kesan daripada pembayaran lewat dan/atau keingkaran oleh pengguna, kerana ia dianggap sebagai pampasan *(ta'widh).* Penentuan komponen kos tersebut hendaklah mengikut keperluan yang ditetapkan oleh Bank dan diluluskan oleh jawatankuasa Syariah masing-masing.

3.2. Sekiranya kemudahan BNPL patuh Syariah ditawarkan di platform yang juga menjual barangan dan perkhidmatan yang tidak patuh Syariah, kemudahan BNPL tersebut tidak dianggap sebagai tidak patuh Syariah secara automatik, namun ia tertakluk kepada perkara berikut:

[3] Penggunaan kolektif kontrak Syariah dianggap sebagai *innominated contract ('uqud ghair musamma*) dalam teks klasik, iaitu kontrak Syariah yang tidak mempunyai ketetapan dan klasifikasi khusus dalam penulisan *fiqh* klasik. (Mustafa al-Zarqa', *al-Madkhal al-Fiqhi al-'Am*, Dar al-Qalam, Damsyik, 2004, ms. 605 هي التي لم تسم باسم خاص يميزها، أو لم يرتب لها التشريع أحكاما خاصة به).
[4] Rujukan dibuat kepada perenggan 4.5 dokumen ini.

a. Transaksi yang dijalankan menggunakan kemudahan BNPL patuh Syariah hanya terhad kepada barangan dan perkhidmatan patuh Syariah sahaja;
b. Jawatankuasa Syariah PPK Islam masing-masing telah meluluskan penawaran kemudahan BNPL patuh Syariah di platform tersebut; dan
c. Kemudahan BNPL patuh Syariah telah meletakkan langkah pencegahan yang sewajarnya untuk memastikan tiada transaksi yang melibatkan barangan dan perkhidmatan tidak patuh syariah.

3.3. PPK Islam yang menawarkan perkhidmatan jual beli emas dan perak (barangan *ribawi*) yang mempunyai *'illah* wang, mestilah mematuhi syarat-syarat berikut:
a. Urus niaga mesti dijalankan secara lani. Walau bagaimanapun, tempoh penyelesaian sehingga T+2 adalah dibenarkan disebabkan kekangan operasi dan amalan pasaran perniagaan (*'urf tijari*)[5];
b. Pemilikan emas dan perak yang dibeli oleh pengguna mesti berlaku pada masa transaksi, sama ada secara fizikal *(haqiqi)* atau konstruktif (*hukmi*)[6].

3.4. Jawatankuasa Syariah PPK Islam bertanggungjawab memberikan nasihat yang objektif dan kukuh kepada PPK Islam untuk memastikan matlamat dan operasi, perniagaan, hal ehwal dan aktiviti tersebut mematuhi Syariah.

Saranan ke arah penggunaan kemudahan BNPL secara bertanggungjawab dan berhemah

3.5. Secara tidak langsung, akses yang mudah dan proses kelulusan kredit yang cepat bagi kemudahan BNPL boleh mempengaruhi pengguna untuk berbelanja pada barangan dan perkhidmatan melebihi kemampuan pengguna. Memandangkan terdapat kekurangan laporan biro kredit pusat yang diperoleh daripada penyedia BNPL bukan bank untuk kemudahan BNPL, PPK Islam mungkin menghadapi cabaran dalam menilai pendedahan kredit keseluruhan pengguna, sekaligus mendedahkan pengguna kepada risiko mengumpul hutang tertunggak yang lebih besar, kesan daripada penggunaan BNPL yang diperolehi melalui pelbagai penyedia BNPL. Tanpa pengurusan kredit dan disiplin kewangan yang betul, perkara ini boleh menimbulkan risiko kepada kesejahteraan kewangan pengguna[7].

3.6. Berdasarkan perkara di atas, dan selaras dengan prinsip *maqasid* syariah yang menggalakkan pemeliharaan harta *(hifz al-mal)*, terutamanya dalam usaha mengekang pengambilan hutang secara berlebihan melebihi kemampuan kewangan seseorang, MPS menggesa perkara berikut:

i. PPK Islam mestilah mengamalkan amalan perniagaan yang bertanggungjawab, di mana proses penilaian kredit dan kemampuan kewangan pengguna harus dilakukan dengan teliti dan mengambil kira tahap keberhutangan dan pendapatan pengguna sedia ada. PPK Islam hendaklah memastikan proses-proses tersebut mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Bank; dan
ii. Amalan yang bertanggungjawab dalam menawarkan kemudahan BNPL, seperti menyediakan pendedahan (*disclosure*) yang jelas dan tepat pada masanya kepada

[5] Kebenaran yang sama diberikan kepada transaksi *bai' al-sarf* (pertukaran mata wang*),* di mana pertukaran boleh dilanjutkan melebihi sesi kontrak berdasarkan amalan pasaran perniagaan *('urf tijari*) akibat kekangan operasi.
[6] Terutama bagi jual beli emas dan perak yang mempunyai '*illah* wang secara dalam talian. Keperluan Syariah bagi pemilikan konstruktif mesti berlaku iaitu, pemindahan hak pemilikan (*takhliyyah),* hak faedah (*tamkin)* dan hak liabiliti *(dhaman).*
[7] MPS telah dibentangkan dengan data risiko berkaitan kelakuan pasaran dan kelakuan buruk pembayaran pada peringkat global yang menunjukkan peratusan rendah pengguna BNPL yang telah terlepas pembayaran lebih daripada satu kali.

pengguna, akan membantu pengguna membuat keputusan yang tepat dan seterusnya menggalakkan penggunaan kemudahan BNPL secara bertanggungjawab dan berhemah.

Perenggan di atas bertujuan terutamanya untuk membendung potensi kesan buruk kewangan kepada pengguna.

Bahagian IV: Asas Pertimbangan

Kemudahan BNPL adalah perkembangan dari kontrak jualan tradisional dengan pembayaran tertangguh

4.1. Amalan jual beli dengan bayaran tertangguh (*bai' bithaman ajil)* dan bayaran tertangguh mengikut jadual tetap *(bai' taqsith*) diiktiraf sebagai suatu bentuk transaksi perdagangan sejak zaman Nabi (ﷺ).

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: اشترى رسول الله صلى الله عليه وسلم من يهودي طعاما إلى أجل ورهنه درعا من حديد

"A'isha, isteri Nabi (ﷺ) meriwayatkan: Nabi (ﷺ) membeli makanan daripada seorang Yahudi secara kredit dan menggadaikan perisai besi baginda kepadanya" [8]

4.2. Bagi *bai' taqsith,* para ulama[9] yang mengharuskan berpandangan bahawa hutang yang dibenarkan berada dalam liabiliti/ kewajipan *(zimmah)* seseorang untuk satu tempoh, hendaklah juga, dibenarkan berbuat demikian dalam dua tempoh atau lebih.

4.3. Keberhutangan seseorang dalam transaksi tersebut mesti dibuktikan dengan dokumentasi yang bersesuaian beserta ketetapan yang jelas pada peringkat permulaan mengenai tempoh, jadual pembayaran dan jumlah ansuran. Ini selaras dengan ayat berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى فَاكْتُبُوهُ

"Wahai orang yang beriman! apabila kamu menjalankan sesuatu urusan berkait dengan hutang piutang yang diberi tempoh masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayaran)"[10]

Fleksibiliti diberikan bagi menstruktur inovasi produk baharu dengan syarat-syarat tertentu

4.4. Fleksibiliti yang diberikan oleh Syariah membolehkan kemunculan pelbagai inovasi produk komersial yang boleh distruktur mengikut kontrak Syariah bersesuaian, untuk memastikan pematuhan Syariah serta memelihara hak dan kewajipan pihak-pihak yang berkontrak. Ini berdasarkan kaedah fiqh berikut:

الأصل في العقود والشروط الجواز والصحة

"Prinsip asas dalam perihal akad dan syarat adalah keharusan dan kesahihan"[11]

---

[8] Imam al-Bukhari, Shahih Bukhari, دار الأرقم للنشر والتوزيع، الكويت, *v.3, p. 86,* hadis no. 2252 dan Imam Muslim, Shahih Muslim ,مطبعة عيسى البابي الحلبي وشركاه، القاهرة , *jilid 3,* ms. 1226, hadis no.1603

[9] Mazhab Syafi'i dan Maliki dalam pendapat utama mereka berdasarkan *Raudhatul al-Talibin,* jilid *4,* ms.*11, Asna al-Matholib,* jilid *2,* ms *126, al-Mughni*, jilid 4, ms 338, *al-Isyraf 'ala al-Masa'il al-Khilaf,* jilid 1, ms 280*, al-Muhazzab*, jilid 1, ms 307.

[10] Surah Al-Baqarah, ayat no. 282.

[11] Muhammad Mustafa Al-Zuhayli (2006), *Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah wa Tatbiqatuha fi al-Mazahib al-'Arba'ah*, Damsyik, Dar al-Fikr, jilid 2, ms 815.

4.5. Dalam menggunakan kontrak Syariah yang bersesuaian, penggunaan beberapa kontrak Syariah secara kolektif dalam satu produk adalah dibenarkan[12] tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(i) setiap kontrak yang diguna pakai dibenarkan oleh Syariah;
(ii) tiada petunjuk Syariah yang jelas mengenai larangan untuk digunakan secara kolektif[13], seperti larangan menggabungkan kontrak jualan dengan pinjaman (*bai' wa salaf*);
(iii) tidak ada percanggahan antara prinsip Syariah yang mengawal setiap kontrak, seperti *hibah* dan sewaan aset yang sama kepada penerima sama secara serentak.

4.6. Penggunaan kontrak Syariah secara kolektif bertujuan memenuhi kehendak dan keperluan pihak-pihak yang berkontrak serta mencerminkan mekanisme operasi sebenar sesuatu produk[14]. Kemunculan kontrak sedemikian melalui *ijtihad* cendekiawan Syariah dapat memenuhi keperluan ekonomi yang berkembang dan menggalakkan inovasi dalam kewangan Islam, di samping mematuhi prinsip Syariah yang berkaitan secara konsisten.

Transaksi emas dan perak

4.7. Transaksi pembelian serta penjualan emas dan perak (barangan *ribawi*) dengan mata wang hendaklah dilakukan secara lani berpandukan hadis berikut:

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ مِثْلاً بِمِثْلٍ سَوَاءً بِسَوَاءٍ يَدًا بِيَدٍ فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الأَصْنَافُ فَبِيعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ

"Ubadah Ibn Samit meriwayatkan: Nabi (ﷺ) bersabda: emas hendaklah dibayar dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, garam dengan garam, apabila ia sama jenisnya, hendaklah sama kadar atau timbangannya dan hendaklah dibayar secara lani. Sekiranya berlainan jenis, maka berjual-belilah mengikut kehendak kamu tetapi dengan syarat pertukaran dua barangan tersebut berlaku secara lani"[15]

4.8. Walau bagaimanapun, kekangan operasi dalam melaksanakan penyelesaian secara lani dalam keadaan tertentu turut diambil kira berdasarkan kaedah fiqh berikut:

المشقة تجلب التيسير

" Kesukaran membawa kepada keringanan"[16]

4.9. Amalan pasaran perniagaan (*'urf tijari*) diiktiraf dalam pertimbangan keputusan Syariah berdasarkan kaedah fiqh berikut:

[12] Pandangan ini selaras dengan keputusan MPS pada Mesyuarat ke-140 dan 166 pada 28 Oktober 2013 dan 23 Februari 2016 yang menetapkan kebenaran untuk menggabungkan beberapa kontrak Syariah dalam satu perjanjian induk.
[13] Hasan Ali al-Syazili, *Ijtima' al-'Uqud al-Mukhtalifah fi 'Aqd Wahid*, dalam *A'maal al-Nadwah al-Fiqhiyyah al-Khamisah li Bait Tamwil al-Kuwaiti, Bait al-Tamwil al-Kuwaiti*, 1998, ms. 506.
[14] Mustafa al-Zarqa', *al-Madkhal al-Fiqhi al-'Am*, Dar al-Qalam, Damsyik, 2004, ms. 605.
[15] Imam Muslim, Shahih Muslim, مطبعة عيسى البابي الحلبي وشركاه، القاهرة, jilid 3, ms.1211, hadis no. 1587.
[16] Al-Suyuti, *Al-Asybah wa al-Naza'ir,* Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1983, ms. 76-77.

العادة محكَّمة

"Adat adalah asas penghakiman"

Saranan ke arah amalan bertanggungjawab dan tingkah laku kewangan berhemat selaras dengan maqasid Syariah

4.10. Walaupun Syariah mengiktiraf konsep hutang, adalah digalakkan untuk amalan hutang dijalankan dengan cara yang bertanggungjawab dari perspektif pemiutang dan penghutang. Ini termasuk tanggungjawab pemberi pinjaman untuk membuat penilaian yang munasabah sama ada objektif peminjam untuk mendapatkan hutang sepadan dengan kemampuan kewangan. Nabi (ﷺ) telah menunjukkan teladan baik dalam perihal melunaskan komitmen kewangan dan keupayaan menunaikan kewajipan hutang:

عَنْ إِسْمَاعِيلَ بْنِ إِبْرَاهِيمَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي رَبِيعَةَ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ، قَالَ اسْتَقْرَضَ مِنِّي النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم أَرْبَعِينَ أَلْفًا فَجَاءَهُ مَالٌ فَدَفَعَهُ إِلَيَّ وَقَالَ بَارَكَ اللَّهُ لَكَ فِي أَهْلِكَ وَمَالِكَ إِنَّمَا جَزَاءُ السَّلَفِ الْحَمْدُ وَالأَدَاء

"Diriwayatkan daripada Isma'il bin Ibrahim bin 'Abdullah bin Abi Rabi'ah, daripada bapanya, daripada datuknya berkata: Nabi (ﷺ) meminjam empat puluh ribu daripada aku, lalu baginda menerima sejumlah harta, lalu baginda membayar kembali kepada aku sambil berkata: 'Semoga Allah memberkati keluarga dan harta kamu, sesungguhnya ganjaran untuk pinjaman (salaf) adalah kesyukuran dan penyelesaian hutang"[17]

4.11. Syariah menggalakkan tingkah laku penggunaan kemudahan kewangan secara bertanggungjawab ke arah mencapai manfaat dan pencegahan kemudaratan kepada individu. Oleh itu, adalah penting untuk seseorang mengetahui keupayaan kewangan serta mengelakkan keberhutangan yang melebihi keperluan dan keupayaan sebenar. Ini selaras dengan ayat berikut:

وَٱلَّذِينَ إِذَآ أَنفَقُواْ لَمۡ يُسۡرِفُواْ وَلَمۡ يَقۡتُرُواْ وَكَانَ بَيۡنَ ذَٰلِكَ قَوَامٗا

"Dan juga mereka (iaitu hamba Allah) yang apabila membelanjakan hartanya, tidak melampaui batas dan tidak kedekut (bakhil) dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah sederhana di antara kedua-dua itu"[18]

4.12. Secara kolektif, penerapan amalan bertanggungjawab dan tingkah laku kewangan yang berhemat akhirnya, akan menyumbang kepada transaksi perdagangan yang tidak memudaratkan pemiutang dan penghutang. Ini bersesuaian dengan kaedah fiqh berikut:

لاَ ضَرَرَ وَلاَ ضِرَارَ

" Tiada kemudaratan dan tidak boleh memudaratkan (dalam Islam)"[19]

[17] Imam Ahmad An-Nasa'i, Kitab al-Buyu' dalam Sunan An-Nasa'I, ms. *235.*
[18] Surah Al-Furqan, ayat no. 67.
[19] Ahmad al-Zarqa', *Syarh al-Qawaid al-Fiqhiyyah*, Dar al-Qalam, 1985, ms. 165.

Bahagian V: Implikasi Keputusan MPS

5.1. Keputusan MPS memberikan kejelasan berhubung pertimbangan utama Syariah yang mesti dipenuhi oleh PPK Islam yang berhasrat untuk menawarkan kemudahan BNPL patuh Syariah, seperti perenggan 1.1. Ini bagi memastikan struktur produk yang ditawarkan patuh Syariah secara keseluruhan.

5.2. Penyedia BNPL Islamik bukan bank yang berhasrat untuk menawarkan kemudahan BNPL patuh Syariah digalakkan merujuk kepada keputusan MPS sebagai panduan serta mendidik pengguna mengenai intipati kemudahan BNPL patuh Syariah.